

November 23, 2023  
**Kenyataan Media**

## **PERTEMUAN KUMPULAN PENASIHAT SERANTAU CITA ASIA / AUSTRALASIA DI KUALA LUMPUR**

**Fokus pada kenderaan yang lebih selamat dan bersih**

**SHAH ALAM, November 23** – PUSPAKOM Sdn. Bhd. (“PUSPAKOM”) bersama lebih daripada 30 ahli daripada Jawatankuasa Pemeriksaan Kenderaan Bermotor Antarabangsa (“CITA”) yang mewakili 11 negara bersidang di Kuala Lumpur bagi Persidangan Kumpulan Penasihat Serantau CITA (“RAG”) di Malaysia. Persidangan itu bertujuan untuk menekankan kepentingan usaha kolaboratif dalam menangani cabaran keselamatan jalan raya dan pelepasan asap dalam skala global.

Presiden CITA, Gerhard Müller berbesar hati dengan pertemuan yang dianjurkan di Asia, yang telah menunjukkan pertumbuhan sektor automotif di rantau ini.

Müller berkata, “Sektor automotif yang berkembang pesat di rantau Asia/Australasia memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan pengangkutan. Pengajuran persidangan CITA di Malaysia ini tepat pada masanya kerana ia menghimpunkan pakar terkemuka dalam pematuhan dan pemeriksaan kenderaan untuk saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman, serta berdepan cabaran utama dalam aspek pemeriksaan kenderaan.”

Beliau juga menekankan keperluan kesaksamaan tanpa memihak dalam penilaian pematuhan kenderaan, adaptasi teknologi kenderaan lebih pesat seperti pemanduan autonomi, dan menyelaraskan piawaian untuk kenderaan baharu dan sedia ada bagi memastikan keselamatan dan pemuliharaan alam sekitar.

Dalam ucapan aluan Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman, beliau menekankan komitmen Syarikat selama tiga dekad terhadap kesaksamaan tanpa memihak dalam menjalankan pemeriksaan kenderaan secara bebas.

"Pada asasnya, setiap hari apa yang dilakukan oleh PUSPAKOM dan ahli-ahlinya adalah bagi memastikan kenderaan yang selamat dan layak berada di atas jalan raya, yang bermaksud kami sedang melindungi pengguna jalan raya di Malaysia. Selama hampir 30 tahun PUSPAKOM berpegang kepada prinsip ini. Ianya adalah selari dengan misi dan tema CITA dalam persidangan ini", ujar Mahmood.

Mahmood juga membuat penambahan tentang keputusan pemeriksaan.

"Pada 2022, statistik menunjukkan bahawa sebanyak 20.3% daripada lebih 1.4 juta kenderaan yang diperiksa tidak melepas pemeriksaan berkala di PUSPAKOM atas pelbagai sebab. Dari jumlah itu, kira-kira 296,000 buah kenderaan dapat dihindarkan dari berada di atas jalan raya untuk memastikan keselamatan awam. Ini terbukti dengan kejayaan pemeriksaan - serta kepentingan - dalam mencegah potensi kemalangan yang mungkin membawa kepada kemalangan jalan raya dan kematian."

Penekanan ini menyerlahkan dedikasi PUSPAKOM terhadap kecemerlangan dalam perkhidmatan, Mahmood menyatakan bahawa peningkatan ketara dalam kecekapan dengan purata masa pemeriksaan kenderaan dapat dikurangkan kepada 37 minit, berbanding 60 minit direkodkan beberapa tahun lalu. Tambahnya lagi, memandangkan teknologi dan Kecerdasan Buatan semakin digunakan secara meluas, prestasi tersebut boleh dipertingkatkan lagi tanpa menjaskan kualiti pemeriksaan.

Beliau berterima kasih kepada peranan CITA dalam membolehkan PUSPAKOM memperoleh pencapaian, dengan menyatakan bahawa CITA aktif menyumbang kepada pengubalan piawaian pemeriksaan kenderaan jalan raya dan menjadikannya amalan terbaik di peringkat global.

## Gambar



- Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman (kiri) dan Presiden CITA, Gerhard Müller (kanan) memberi ucapan ketika persidangan CITA berlangsung.



- Sesi bergambar bersama semua peserta persidangan CITA.

## MENGENAI PUSPAKOM

*Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

*Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.*



**PUSPAKOM**

Your Safety, Our Priority

A Member of

**DRB-HICOM**

*Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu , PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.*

*Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.*